BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Pen: 05/04/30 (BN)

EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum jam 1800 pada hari Rabu, 26 Mei 2004

Perkembangan Monetari dan Kewangan April 2004
Maklumat Utama Siaran Akhbar

Pinjaman bank terus mengembang pada bulan April

Penunjuk monetari pada bulan April mencerminkan pengembangan aktiviti sektor swasta yang mapan dalam suasana inflasi yang rendah. Penunjuk pinjaman ke hadapan iaitu permohonan dan kelulusan pinjaman masing-masing berjumlah RM24.3 bilion dan RM16.1 bilion pada bulan April, meningkat pada kadar tahunan 32.5% dan 23.7%. Pemberian pinjaman kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) kekal kukuh dengan sejumlah RM2.6 bilion diluluskan kepada 7,624 akaun PKS. Pengeluaran pinjaman kepada PKS berjumlah RM7.8 bilion dengan pertumbuhan tahunan sebanyak 20.3%. Disokong oleh operasi luar negara yang berkembang dan pertumbuhan dalam pinjaman bank, bekalan wang secara luas, M3, terus meningkat pada kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 10.9% pada akhir bulan April.

Rangka kerja kadar faedah baru, yang berkuat kuasa mulai 26 April 2004 telah diterima dengan baik oleh pasaran. Peralihan kepada rangka kerja baru adalah lancar dan seperti yang diharapkan. Kadar semalaman antara bank diniagakan dalam julat yang kecil antara 2.68%-2.80% dengan kadar purata 2.71% bagi tempoh 26 April-25 Mei 2004. Kadar berian pinjaman asas (BLR) bank perdagangan dengan pengecualian sebuah bank kekal tidak berubah pada tahap 6.00%, sementara BLR syarikat kewangan juga kekal tidak berubah pada tahap 6.90% sehingga 25 Mei 2004.

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Pen: 05/04/30 (BN)

EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum jam 1800 pada hari Rabu, 26 Mei 2004

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN APRIL 2004

Penunjuk monetari mencerminkan pengembangan aktiviti sektor swasta yang mapan dalam suasana inflasi yang rendah

Penunjuk monetari pada bulan April mencerminkan pengembangan aktiviti sektor swasta yang mapan dalam suasana inflasi yang rendah. Penunjuk pinjaman ke hadapan iaitu permohonan dan kelulusan pinjaman masing-masing berjumlah RM24.3 bilion dan RM16.1 bilion pada bulan April, meningkat pada kadar tahunan 32.5% dan 23.7%. Pemberian pinjaman kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) kekal kukuh dengan sejumlah RM2.6 bilion diluluskan kepada 7,624 akaun PKS. Pengeluaran kepada PKS berjumlah RM7.8 bilion dengan pertumbuhan tahunan sebanyak 20.3%. Bekalan wang secara luas M3 meningkat pada kadar 10.9%, disokong oleh operasi luar negara yang berkembang dan peningkatan pinjaman bank.

Permodalan sistem perbankan kekal tinggi dengan nisbah modal berwajaran risiko (RWCR) berada pada tahap 13.6%, manakala nisbah pinjaman tidak berbayar (NPL) terus menurun kepada 6.6% pada akhir bulan April.

Rangka kerja kadar faedah baru, yang berkuat kuasa mulai 26 April 2004 telah diterima dengan baik oleh pasaran. Peralihan kepada rangka kerja baru adalah lancar dan seperti yang diharapkan. Kadar semalaman antara bank diniagakan dalam julat yang kecil antara 2.68%-2.80% dengan kadar purata 2.71% bagi

tempoh 26 April-25 Mei 2004. Kadar berian pinjaman asas (BLR) bank perdagangan dengan pengecualian sebuah bank kekal tidak berubah pada tahap 6.00%, sementara BLR syarikat kewangan juga kekal tidak berubah pada tahap 6.90% sehingga 25 Mei 2004.

Peralihan kepada rangka kerja kadar faedah baru adalah lancar

Satu perkembangan penting dalam perlaksanaan dasar monetari ialah perlaksanaan rangka kerja kadar faedah baru pada 26 April 2004. Perubahan yang diperkenalkan bertujuan mempertingkatkan keberkesanan mekanisme penghantaran dasar monetari dan penentuan harga yang lebih cekap oleh institusi perbankan. Semenjak 26 April 2004, kadar dasar semalaman (KDS) telah menggantikan kadar campur tangan 3 bulan sebagai penunjuk teras dasar monetari. Rangka kerja baru ini merupakan perubahan dalam sistem perlaksanaan dasar monetari dan tidak menunjukkan perubahan dasar monetari. Oleh itu, KDS kekal pada tahap 2.70%.

Rangka kerja kadar faedah baru telah diterima dengan baik oleh pasaran. Peralihan kepada rangka kerja baru adalah lancar dan seperti yang diharapkan. Kadar semalaman antara bank diniagakan dalam julat yang kecil antara 2.68%-2.80% dengan kadar purata 2.71% bagi tempoh 26 April-25 Mei 2004.



Kadar antara bank semalaman diniagakan dalam julat kecil



Kadar antara bank kekal rendah



Bank Negara Malaysia menyerap mudah tunai tambahan bagi mengekalkan kestabilan keadaan monetari



Peningkatan deposit yang berterusan menyebabkan nisbah pembiayaan-deposit menyederhana kepada 88.7%

Di bawah rangka kerja kadar faedah baru, setiap institusi perbankan akan mengumumkan kadar berian pinjamannya berdasarkan struktur kos dan perniagaan. Semenjak rangka kerja kadar faedah baru diperkenalkan, BLR bank perdagangan, kecuali sebuah bank kekal tidak berubah pada tahap 6.00%, sementara BLR syarikat kewangan juga kekal tidak berubah pada tahap 6.90% sehingga 25 Mei 2004. Bagimanapun, kadar berian pinjaman purata (ALR) bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan masing-masing menurun sedikit kepada 6.05% and 8.87% pada 30 April 2004, mencerminkan komponen pinjaman baru yang lebih besar pada kadar pemberian pinjaman yang lebih rendah.



ALR bank perdagangan dan syarikat kewangan menurun

Kadar deposit tetap bank perdagangan dan syarikat kewangan kekal tidak berubah. Di bawah rangka kerja kadar faedah baru, kadar minimun baki deposit tetap berjumlah RM1 juta dan ke bawah telah ditetapkan pada kadar 3% untuk tempoh sebulan dan 3.70% untuk tempoh 12 bulan bagi memastikan pendeposit terus memperoleh kadar pulangan sebenar yang positif.



	1 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan	12 bulan
Mac 04	3.00	3.00	3.00	3.02	3.70
Apr 04	3.00	3.00	3.00	3.02	3.70
15 Mei 04	3.00	3.00	3.00	3.02	3.70

Kadar faedah tetap bank perdagangan kekal tidak berubah



	1 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan	12 bulan
Mac 04	3.00	3.00	3.01	3.03	3.70
Apr 04	3.00	3.00	3.01	3.03	3.70
15 Mei 04	3.00	3.00	3.01	3.03	3.70

...begitu juga dengan syarikat kewangan



Kadar deposit tetap benar 3 bulan kekal stabil

Prestasi ringgit

Pada bulan April, ringgit naik nilai berbanding mata wang utama lain berikutan dolar AS semakin kukuh, disokong oleh data ekonomi yang memberangsangkan dan jangkaan pasaran bahawa kadar faedah AS akan dinaikkan lebih awal daripada jangkaan. Ringgit juga naik nilai berbanding kebanyakan mata wang serantau, mencerminkan dolar AS yang lebih teguh dan kebimbangan terhadap kesan ke atas ekonomi serantau ekoran potensi pertumbuhan yang lebih perlahan di China. Sebaliknya, ringgit susut nilai berbanding peso Filipina berikutan perkembangan politik yang menggalakkan di Filipina yang akan menghadapi pilihan raya pada bulan Mei.

Pada tempoh antara 1-25 Mei, dolar AS bercampur-campur berbanding mata wang utama. Data ekonomi yang menunjukkan prestasi ekonomi AS yang lebih baik menyokong dolar AS pada permulaan bulan Mei. Walau bagaimanapun, harga minyak yang lebih tinggi dan jangkaan bahawa Federal Reserve akan berhati-hati untuk melakukan perubahan pada kadar dasar menyebabkan prestasi dolar AS menurun berbanding euro dan paun sterling pada minggu ketiga bulan Mei. Dolar AS juga susut nilai berbanding paun sterling disebabkan oleh jangkaan bahawa Bank of England akan menaikkan lagi kadar faedah. Mata wang serantau terus terjejas akibat kebimbangan terhadap harga minyak yang tinggi dan kesannya kepada inflasi, serta kesan terhadap pertumbuhan serantau akibat daripada langkah-langkah untuk memperlahankan pertumbuhan ekonomi yang terlampau tinggi melebihi tahap potensi di China.



Ringgit bercampur-campur berbanding mata wang utama...



...tetapi naik nilai berbanding kebanyakan mata wang serantau

Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Terpilih

RM per mata wang asing	Akhir tempoh			% Perubahan			
	02 Sep 98	Apr 04	25 Mei 04	Apr 04	Akhir Apr 04 - 25 Mei 04	Akhir Dis 03 - 25 Mei 04	02 Sep 98 - 25 Mei 04
Dolar AS	3.8000	3.8000	3.8000	0.0	0.0	0.0	0.0
Euro	-	4.5496	4.5667	2.3	-0.4	4.6	-
Paun sterling	6.3708	6.7480	6.8090	3.2	-0.9	-0.6	-6.4
100 yen Jepun	2.7742	3.4475	3.3613	5.4	2.6	5.7	-17.5
Dolar Singapura	2.1998	2.2303	2.2097	1.5	0.9	1.1	-0.4
100 baht Thai	9.3713	9.4988	9.3103	1.3	2.0	3.1	0.7
100 peso Filipina	8.8302	6.7833	6.7912	-0.4	-0.1	0.8	30.0
100 rupiah Indonesia	0.0354	0.0437	0.0411	1.2	6.4	9.2	-13.9
100 won Korea	0.2827	0.3237	0.3226	2.2	0.3	-1.4	-12.4

Inflasi kekal rendah

Kadar inflasi tahunan seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna (IHP,2000=100) kekal rendah dan stabil pada tahap 1% pada bulan April (1% pada bulan Mac). Harga makanan yang lebih tinggi diimbangi oleh penurunan dalam harga pakaian dan kasut serta pengangkutan dan perhubungan.



Kadar inflasi kekal rendah dan stabil pada tahap 1%

Harga pengeluar meningkat

Indeks harga pengeluar (IHPR, 1989=100) meningkat pada kadar tahunan 8.3% pada bulan Mac, mencerminkan terutamanya harga komoditi yang lebih tinggi, khususnya harga getah, minyak sawit mentah dan minyak mentah. Tidak termasuk produk berkaitan komoditi, IHPR terlaras meningkat pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 1% (2% pada bulan Februari).



Harga pengeluar meningkat disebabkan harga komoditi yang lebih tinggi

Wang secara luas, M3 terus berkembang

Pengembangan operasi luar negara dan peningkatan aktiviti pinjaman bank terus menyumbang kepada pengembangan wang secara luas, M3 yang meningkat sebanyak RM3.8 bilion pada bulan April. Pada asas tahunan, kadar pertumbuhan ketiga-tiga agregat monetari kekal tinggi dengan M1, M2 dan M3 masing-masing meningkat pada kadar 17%, 12.4% dan 10.9%. Pertumbuhan M1 kekal kukuh mencerminkan permintaan berterusan baki urus niaga di samping perbelanjaan isi rumah dan aktiviti perdagangan runcit yang kukuh.



Kadar pertumbuhan ketiga-tiga agregat monetari kekal tinggi...

Penentu-Penentu M3
(RM bilion)

	Perubahan pada tempoh			
	Feb 04	**Mac 04**	**Apr 04**	**Jan - Apr 04**
M3	5.9	8.0	3.8	22.9
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	-5.9	-1.9	1.0	-5.0
Tuntutan ke atas sektor swasta	1.8	1.5	0.1	3.9
Pinjaman	*2.2*	*1.5*	*1.6*	*7.2*
Sekuriti	*-0.4*	*-0.1*	*-1.4*	*-3.3*
Operasi luar bersih *	9.3	11.4	4.5	37.8
Pengaruh lain	0.7	-2.9	-1.8	-13.8

* Sebelum penilaian semula

Deposit sektor swasta terus meningkat

Pada bulan April, deposit sektor swasta terus meningkat mencerminkan simpanan deposit tetap yang lebih tinggi oleh perusahaan perniagaan dan individu. Jumlah deposit dengan sistem perbankan meningkat sebanyak RM3.9 bilion atau pada kadar tahunan 11.5% (10.9% pada bulan Mac). Walau bagaimanapun, deposit permintaan menurun sebanyak RM3.6 bilion, mencerminkan perpindahan sejumlah dana kepada deposit yang berasaskan kadar faedah.

Deposit Mengikut Penyimpan
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Feb 04	Mac 04	Apr 04	Jan - Apr 04
Kerajaan Persekutuan	-37	925	-773	-418
Kerajaan Negeri	298	227	65	336
Badan Berkanun [1]	371	-557	-1,030	-2,242
Institusi Kewangan	1,736	2,555	1,699	5,289
Perusahaan Perniagaan	2,896	4,902	2,654	9,583
Individu	2,220	2,234	1,342	9,882
Lain-lain [2]	731	834	-73	988
Jumlah	8,215	11,121	3,883	23,418

1/ Termasuk Kerajaan tempatan

2/ Termasuk lain-lain entiti tempatan dan entiti bukan bank asing

Simpanan deposit perusahaan perniagaan dan individu lebih tinggi ...

Deposit Mengikut Jenis
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Feb 04	Mac 04	Apr 04	Jan - Apr 04
Deposit tetap	5,151	639	5,228	13,504
NID	-400	1,938	2,398	2,736
Deposit permintaan	1,781	1,804	-3,584	-1,559
Deposit tabungan	593	57	-19	2,235
Perjanjian beli balik (Repo)	-843	5,207	-98	4,791
Deposit mata wang asing	409	-627	728	-458
Deposit SPI	1,033	1,553	-889	1,214
Lain-lain	491	548	119	954
Jumlah	8,215	11,121	3,883	23,418

...terutama dalam deposit tetap

Pembiayaan sektor swasta kekal tinggi

Persekitaran monetari yang memberangsangkan dengan kos pinjaman yang rendah di samping permintaan dalam negeri yang mapan menghasilkan pembiayaan kasar sektor swasta yang terus meningkat. Jumlah pembiayaan oleh sistem perbankan dan pembiayaan melalui pasaran modal kekal pada paras yang tinggi iaitu berjumlah RM41.4 bilion pada bulan April.



Pembiayaan kasar sektor swasta kekal pada paras yang tinggi

Mencerminkan peningkatan keyakinan perniagaan dan pengguna, penunjuk pinjaman terus meningkat pada tahap yang kukuh pada bulan April. Dalam sistem perbankan, jumlah pengeluaran pinjaman kekal pada paras yang tinggi sebanyak RM39.3 bilion, iaitu peningkatan sebanyak 12.2% pada kadar tahunan. Jumlah pinjaman terkumpul meningkat sebanyak RM1.3 bilion pada bulan April untuk mencatat pertumbuhan sebanyak 5.6% (5.7% pada akhir Mac) pada kadar tahunan. Pengeluaran pinjaman kepada PKS berjumlah RM7.8 bilion iaitu peningkatan pada kadar tahunan sebanyak 20.3%. Pembayaran balik oleh PKS terus tinggi menyebabkan pinjaman terkumpul kepada PKS mencatat kadar pertumbuhan tahunan yang lebih rendah sebanyak 4.6% (5.3% pada akhir Mac).

Dua penunjuk pinjaman ke hadapan iaitu jumlah permohonan dan kelulusan pinjaman masing-masing berjumlah RM24.3 bilion dan RM16.1 bilion, meningkat pada kadar tahunan sebanyak 32.5% dan 23.7%. Kelulusan pinjaman kepada PKS juga berkembang dengan kukuh sebanyak 29.5%. Sejumlah RM2.6 bilion diluluskan kepada 7,624 akaun PKS pada bulan April.



Kesemua penunjuk utama pinjaman sistem perbankan kekal tinggi pada bulan April



Pinjaman yang dikeluarkan adalah meluas

Terbitan sekuriti hutang swasta baru lebih tinggi

Pada bulan April, dana bersih yang diperoleh daripada pasaran modal adalah lebih tinggi iaitu berjumlah RM1.8 bilion. Dana yang diperoleh melalui penerbitan sekuriti hutang swasta baru berjumlah RM2.2 bilion. Pembiayaan aktiviti baru mencakupi satu pertiga daripada jumlah dana yang diperoleh. Pada asas bersih, pasaran sekuriti hutang swasta mencatat penebusan sebanyak RM0.5 bilion. Sementara itu, Kerajaan memperoleh RM2 bilion daripada penerbitan baru SKM 10 tahun. Dana yang diperoleh daripada pasaran ekuiti berjumlah RM224 juta terutamanya melalui penerbitan hak (RM90.1 juta) dan empat tawaran awam awal (RM87.2 juta).



Pada asas bersih, dana yang diperoleh daripada pasaran modal adalah lebih tinggi

Sejajar dengan perkembangan global dan serantau, IK BSKL merosot sebanyak 7.1% kepada 838.21 mata pada akhir April berbanding pada akhir Mac. Pada bulan April, sentimen di BSKL dipengaruhi oleh kebimbangan tentang kemunculan semula wabak SARS di China, pergolakan di selatan Thailand dan kesan kemungkinan pertumbuhan yang lebih perlahan di China ke atas ekonomi serantau. Modal pasaran adalah lebih rendah pada paras RM685.55 bilion (-5.3% semenjak akhir Mac) dan purata urus niaga harian pada bulan ini juga lebih rendah pada paras 374.40 juta unit.



Seperti bursa utama yang lain, IK BSKL berurus niaga pada tahap yang lebih rendah disebabkan terutamanya oleh kemungkinan peningkatan kadar faedah di AS

Pada tempoh 1-25 Mei, kemerosotan IK BSKL mencerminkan perkembangan luar negara termasuk kebimbangan tentang kadar faedah yang mungkin meningkat di AS dan kesan harga minyak yang lebih tinggi ke atas ekonomi global. IK BSKL ditutup pada paras 796.48 mata pada 25 Mei (-5% semenjak akhir April). Modal pasaran adalah lebih rendah pada paras RM642.27 bilion (-6.3% semenjak akhir April) walaupun purata urus niaga harian adalah lebih tinggi pada paras 375.75 juta unit pada tempoh tersebut.

Rizab antarabangsa terus meningkat

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia meningkat sebanyak RM7.8 bilion atau AS$2.1 bilion pada bulan April kepada RM202.9 bilion atau AS$53.4 bilion pada 30 April 2004. Peningkatan rizab pada bulan April disebabkan terutamanya oleh penghantaran balik perolehan eksport yang mapan, aliran masuk dana portfolio dan pelaburan langsung asing serta penggunaan pinjaman luar negeri. Aliran keluar pada tempoh tersebut mencerminkan terutamanya pembayaran import barangan dan perkhidmatan serta penghantaran balik dividen dan kiriman wang bagi pelaburan luar negeri. Rizab terus meningkat kepada RM204.7 bilion atau AS$53.9 bilion pada 14 Mei 2004, cukup untuk membiayai 7.6 bulan import tertangguh dan bernisbah sebanyak 5.5 kali hutang luar negeri jangka pendek.



Peningkatan rizab disebabkan terutamanya penghantaran pulang perolehan eksport yang mapan dan aliran masuk dana portfolio serta pelaburan langsung asing yang lebih besar

Tahap permodalan dan kualiti aset bertambah baik

Nisbah modal berwajaran risiko (RWCR) dan nisbah modal teras sistem perbankan bertambah kukuh masing-masing kepada 13.6% dan 11% berikutan pengembangan dalam modal asas beberapa institusi perbankan. Jumlah pinjaman tidak berbayar (NPL) bersih berdasarkan klasifikasi 6 bulan menurun sebanyak RM0.5 bilion manakala nisbah NPL bersih bertambah baik pada kadar 6.6%.

Penunjuk Keadaan Sistem Perbankan *

	Pada akhir tempoh							
	1999	**2000**	**2001**	**2002**	**2003**	**Feb 04**	**Mac 04**	**Apr 04**
Modal (%)								
Nisbah modal teras	10.1	10.7	11.1	11.1	11.1	11.1	10.9	11.0
RWCR	12.5	12.5	13.0	13.2	13.7	13.7	13.5	13.6
NPL bersih (klasifikasi 6 bulan)								
% jumlah pinjaman bersih	6.4	6.3	8.1	7.5	6.8	6.8	6.7	6.6
Jumlah (RM juta)	23,849	24,700	32,775	31,703	30,765	30,941	30,443	29,970
Peruntukan am/Jumlah pinjaman bersih (6 bulan, %)	1.9	1.9	1.9	1.8	1.8	1.8	1.8	1.8

* Mulai Jun 1999, jadual ini mengambil kira institusi perbankan Islam.



RWCR dan nisbah modal teras masing-masing mengukuh kepada 13.6% dan 11%



Nisbah NPL bersih (klasifikasi 6 bulan) menurun kepada 6.6%

Bank Negara Malaysia
26 Mei 2004

Perangkaan Utama Kewangan dan Perbankan

		Feb 04		Mac 04		Apr 04	
		Jumlah	Pertumbuhan tahunan	Jumlah	Pertumbuhan tahunan	Jumlah	Pertumbuhan tahunan
		(RM b)	(%)	(RM b)	(%)	(RM b)	(%)
Agregat Monetari							
Wang rizab		47.3	8.9	47.0	9.0	47.5	11.1
M1		103.4	15.8	105.9	19.8	102.4	17.0
M2		433.0	11.0	439.7	12.6	443.3	12.4
M3		560.7	9.7	568.7	10.7	572.5	10.9
Sistem Perbankan							
Jumlah deposit		562.2	9.6	573.4	10.9	577.2	11.5
Jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas)		477.2	5.1	479.1	5.7	480.4	5.6
Nisbah pinjaman-deposit (%)		80.1		79.2		79.0	
Nisbah pembiayaan-deposit [1] (%)		90.5		89.2		88.7	
Pinjaman yang dipohon (pada tempoh berkenaan)		17.6	12.8	23.8	24.9	24.3	32.5
Pinjaman yang diluluskan (pada tempoh berkenaan)		10.9	17.3	16.5	27.6	16.1	23.7
Pinjaman yang dikeluarkan (pada tempoh berkenaan)		32.8	19.7	42.6	21.6	39.3	12.2
Pinjaman yang dibayar (pada tempoh berkenaan)		32.9	17.4	40.9	14.5	39.0	12.7
Keadaan Sistem Perbankan							
Nisbah Modal Berwajaran Risiko (RWCR) (%)		13.7		13.5		13.6	
NPL bersih: Klasifikasi 6-bulan (%)		6.8		6.7		6.6	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)							
Rizab dalam RM (bilion)		187.1		195.1		202.9	
Rizab dalam Dolar AS (bilion)		49.2		51.3		53.4	
Bilangan bulan import tertangguh		7.1		7.2		7.5	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]							
Antarabank:	Semalaman	2.70 [2.71]		2.71 [2.71]		2.70 [2.72]	
	Seminggu	2.79 [2.73]		2.77 [2.74]		2.84 [2.76]	
	1 bulan	2.98 [2.99]		2.97 [2.98]		2.89 [2.97]	
	3 bulan	2.85 [2.85]		2.85 [2.85]		2.85 [2.85]	
Deposit tetap bank perdagangan:	1 bulan	3.00 [3.00]		3.00 [3.00]		3.00 [3.00]	
	3 bulan	3.00 [3.00]		3.00 [3.00]		3.00 [3.00]	
BLR bank perdagangan		6.00 [6.00]		6.00 [6.00]		6.00 [6.00]	
ALR bank perdagangan		6.13		6.10		6.05	
Harga							
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2000=100)		105.1	0.9	105.0	1.0	105.2	1.0
Indeks Harga Pengeluar (IHPR) 1989=100)		146.8	4.4	150.0	8.3		
Kadar Pertukaran Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih (akhir tempoh)							
Euro		4.7297		4.6522		4.5496	
Paun Sterling		7.0819		6.9667		6.7480	
100 Yen Jepun		3.4703		3.6334		3.4475	
Dolar Singapura		2.2311		2.2633		2.2303	
100 Baht Thai		9.6594		9.6239		9.4988	
100 Peso Filipina		6.7466		6.7580		6.7833	
100 Rupiah Indonesia		0.0449		0.0442		0.0437	
100 Won Korea		0.3227		0.3308		0.3237	
Pasaran Modal							
Dana bersih yang diperoleh dari sektor:	awam	6.0		-0.5		2.0	
	swasta	0.3		-1.9		-0.2	
Indeks Komposit Bursa Malaysia (akhir tempoh)		879.2		901.9		838.2	
Nilai pasaran Bursa Malaysia (RM b) (akhir tempoh)		713.4		724.2		685.6	

[1] Merujuk kepada nisbah pinjaman dan pegangan sekuriti swasta (PDS) oleh sistem perbankan ke atas deposit sistem perbankan.